



GAMBAR tuan tanah SJKC Poy Hwa, Tan Beng Chin.



SJKC Poy Hwa, Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, tidak kekok dan mesra bergaul dengan murid Melayu.



KEBANYAKAN Cina Peranakan Kelantan

# Generasi lama lebih mahir baca, tulis Jawi

Cina Peranakan gigih bina SJKC Poy Hwa elak bahasa ibunda berkubur

## Misteri Etnik

Azrul Affandi Sobry  
azr@barian.com.my

Gambar Zaman Huri Isa

### Siri keempat

**M**EREKA berketurunan Cina, tetapi tidak fasih berbahasa Mandarin. Hidup mereka lebih banyak dilingkari budaya dan bahasa orang Melayu kerana sejak lebih tujuh generasi hanya didedahkan dengan kehidupan masyarakat majoriti di Kelantan itu. Bukan berniat mengetepikan bahasa ibunda, tetapi peluang pendidikan Cina sangat terhad sejak bermastautin di pedalaman Kelantan.

Kebanyakan warga emas masyarakat Cina Peranakan lebih mahir menulis Jawi daripada tulisan Cina. Malah, ada sebahagiannya layak digelar buta bahasa Mandarin. Jangan menulis, menurutkannya juga tanggung terbalik menyebabkan pelbagai gelaran diberi untuk menggambarkan mereka iaitu selain Cina Kampung, mereka juga digelar Hokkien Siam.

Lebih ketara, masyarakat itu yang tinggal di Kampung Pasir Parit, iaitu di tengah bahagian utara Sungai Kelantan dan dikatakan kampung masyarakat Cina Peranakan terbesar di negeri Cik Siti Wan Kembang itu. Perkahwinan campur lelaki dari Cina dengan wanita Siam dan Melayu pada tujuh generasi sebelum ini menjadikan mereka lebih dekat dengan budaya penduduk asal Kelantan.

Namun, di sebalik semua itu, mereka sebenarnya tetap sayangkan bahasa ibunda iaitu sama ada Mandarin atau Hokkien. Namuh, merintis sejarah pendidikan mereka, sekolah cina terhampir hanya di Pa-

sir Mas, hampir 20 kilometer dari Pasir Parit. Di situ ada dua sekolah cina iaitu SJKC Yok Eng dan SJKC Yok Cheng di Tanah Merah.

Oleh itu, tiada pilihan lain kecuali menghantar anak ke sekolah kebangsaan berhampiran sebelum mereka sepakat dengan usaha keras penghulu kampung pada 1959, Khor Boon Tho dan seorang pencinta pendidikan Cina, Lim Poh Chai mengasaskan Sekolah Rendah Persendirian Poy Hwa di kampung itu.

Dengan kerjasama Pengerusi Badan Jemaah Pengelola SJKC Yok Eng, Chew Ma Foo bersama Chew Lee Chian, Wong Lian Kong, Ko Beng Ee dan Chua Tiong Boon, sejumlah RM8,000 berjaya dikumpulkan hasil derma orang ramai, sekali gus membolehkan bangunan sekolah dibina secara gotong-royong di atas tanah seluas enam ekar milik Lim Poh Chai diketuai tukang kayu, Wee Ah Pit.

Ketika itu, penduduk kampung dibahagikan kepada empat kumpulan, bergilir-gilir menyiapkan bangunan itu dan bekerja bertungkus-lumus sehingga jam 2 pagi setiap hari. Bukan itu saja, bantuan turut diperoleh daripada penduduk Melayu di kampung sama membolehkan ia disiapkan lebih cepat.

Namun, sehingga awal 1960, bangunan sekolah itu masih belum disiapkan. Atas dasar inginkan anak Cina di situ memperoleh pendidikan Cina dengan segera, Penghulu Kampung, Khor Boon Tho menyediakan dua bilik di rumahnya untuk kegunaan sementara murid Tahun Satu dan Dua.

Ia berterusan sehingga Jun 1960 apabila bangunan sekolah dengan dua bilik darjah siap dibina. Seramai 72 pelajar berpindah ke sekolah baru itu yang dirasmikan pada 24 Jun 1960 oleh Pegawai Daerah Pasir Mas ketika itu, Datuk Yahya Mokhtar Nik Abdul. Ketika itu, setiap pelajar di-

semakin meruncing. Sejak sekolah itu dibina sehingga 1993, seramai 10 guru besar sudah bertukar ganti termasuk seorang yang langsung tidak tahu berbahasa Mandarin.

Mereka mengumpamakan pertukaran guru di situ seperti 'tanglung berpusing tanpa kesudahan'. Pelbagai cara digerakkan untuk memastikan sekolah terus beroperasi dan gaji guru yang tidak sampai RM200 sebulan mampu dibayar. Kutipan derma dan pelbagai usaha lain digerakkan, namun tidak juga mampu menyelesaikan masalah kewangan mereka.

Pada 1977, Pemuda dan Wanita MCA Bahagian Pasir Mas mengadakan pertunjukan amal untuk memungut derma. Sebanyak RM39,000 berjaya dikutip dan membantu menyelesaikan serba sedikit masalah

sebelumnya. Cabaran untuk meneruskan apa yang sudah terbina nyata bukan kerja mudah. Pengurusan sekolah terus berdepan dengan dilema kerana masalah kewangan yang semakin hari

semakin meruncing. Sejak sekolah itu dibina sehingga 1993, seramai 10 guru besar sudah bertukar ganti termasuk seorang yang langsung tidak tahu berbahasa Mandarin.

Mereka mengumpamakan pertukaran guru di situ seperti 'tanglung berpusing tanpa kesudahan'. Pelbagai cara digerakkan untuk memastikan sekolah terus beroperasi dan gaji guru yang tidak sampai RM200 sebulan mampu dibayar. Kutipan derma dan pelbagai usaha lain digerakkan, namun tidak juga mampu menyelesaikan masalah kewangan mereka.

Pada 1977, Pemuda dan Wanita MCA Bahagian Pasir Mas mengadakan pertunjukan amal untuk memungut derma. Sebanyak RM39,000 berjaya dikutip dan membantu menyelesaikan serba sedikit masalah

kewangan yang ketara di sekolah itu. Ia hanya sementara dan masalah kewangan kembali sehinggakan infrastruktur sekolah dan kemudahan perpustakaan semakin menyedihkan.

Bagai jatuh ditimpa tangga. Pada penghujung 1970-an, tanah sekolah diambil kembali oleh pemiliknya untuk dijadikan tanah pusaka anak cucu. Tiada jalan lain kecuali mereka (Badan Jemaah Pengelola Sekolah) perlu membeli tanah baru dalam keadaan serba kedaifan.

Penubuhan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) pada 1985 memberikan sinar baru kerana beberapa lama selepas itu, Tan Sin Jim, anak kepada pengasas SJKC-Chung Hwa, Kota Bharu menderma sebidang tanah seluas hampir dua ekar untuk membina sekolah baru.



BANGUNAN baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Poy Hwa, Kampung Pasir Parit, Pasir Mas.



memiliki iras wajah Melayu.

## Terkejut murid Cina tak faham Mandarin, Hokkien

**"T**OLONG kecek (cakap) bahasa Melayu. Kito tok pehe cikgu ghoayat gapo." – Terpinga juga dibuatnya apabila keratan kertas itu diterima Guru Besar SJKC Poy Hwa, Ch'ng Joo Wass, ketika mempengerusikan satu mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) selepas baru menjejakkan kaki di sekolah itu empat bulan lalu.

Sangkanya, jawatankuasa PIBG di sebuah sekolah Cina pastinya lebih selesa berbahasa Cina atau paling tidak pun bahasa Inggeris seperti kebanyakan sekolah lain, tetapi lain pula halnya di sekolah barunya itu kerana nyata mereka kurang senang mendengar ucapannya dalam bahasa ibunda.

Beliau yang sebelum ini mengajar di SJKC Yuk Chai, Kuala Krai terkejut pada mulanya kerana bukan setakat ibu bapa, ramai juga murid yang terlopong, tanda tidak faham butir bicaranya ketika berucap di perhimpunan menggunakan bahasa Mandarin. Namun, memikirkan

dalam sekolah Cina jika berbahasa Mandarin. Saya sedar, pandangan mereka terhadap saya pun nampak macam mereka sedang pelik. Terasa seperti mereka melihat seorang asing di depan mereka walaupun saya pun orang Cina, mereka pun Cina.

Sebagai langkah menguatkan kefahaman mereka terhadap pelbagai bahasa selain bahasa Melayu, Ch'ng mewujudkan sistem giliran penggunaan bahasa ketika perhimpunan. Jika minggu ini menggunakan bahasa Cina, minggu depan guna bahasa Melayu dan

minggu seterusnya bahasa Inggeris digunakan.

Perkara positif yang dilihatnya ada pada diri kanak-kanak Cina Peranakan di situ ialah disebabkan hubungan rapat dengan Melayu menjadikan mereka lebih berdisiplin dan mudah mendengar arahan. Ia juga mungkin disebabkan kurangnya pengaruh luar se-



Dalam tempoh enam bulan, sementara menunggu bangunan baru dibina, pelajar terpaksa menumpang di Bangunan MCA Pasir Parit. Ogos 1987, dengan kos sebanyak RM70,000, bangunan baru siap dibina. Namun, ia hanya kelegaan sementara kerana isu kewangan tidak henti-henti menghambat mereka.

Tidak menoleh ke belakang! Mereka sepakat bahawa pendidikan Cina perlu juga diteruskan walau berdepan apa cabaran sekalipun. Sebagai langkah menyelamatkan sekolah, mereka merayu kepada Kementerian Pelajaran untuk menukar status sekolah itu daripada sekolah persendirian menjadi sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC).

Lama menunggu, akhirnya pada 12 Disember 1993, Menteri Pengangkutan ketika itu merangkap Presiden

MCA, Dr Ling Liong Sik (kini Tun) membuat lawatan ke situ dan mengisytiharkan Poy Hwa ditukar kepada SJKC Poy Hwa sekali gus menjadi SJKC ke 14 di Kelantan.

SJKC Poy Hwa sebenarnya banyak mengubah cara hidup dan masa depan orang Cina Kampung kerana sejak ia ditubuhkan, semakin ramai anak Cina Peranakan boleh bertutur dan membaca bahasa Mandarin. Malah, mereka juga sudah mula tahu mengamalkan budaya Cina, jauh sekali dibandingkan generasi sebelum mereka.

Namun, dalam tinjauan *Berita Harian* ke situ baru-baru ini, ciri-ciri unik Cina Peranakan bagai masih melekat kuat. Kanak-kanak seawal usia lapan tahun masih pekat berbahasa Melayu Kelantan. Malah, tidak berasa seperti di sekolah Cina

kerana kedengaran dari setiap kelas, guru masih terpaksa membuat penjelasan dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Mandarin.

Guru Melayu, Ahmad Sabri Ibrahim, 39, yang berpengalaman mengajar di beberapa sekolah Cina termasuk di Johor, berkata mengajar di SJKC Poy Hwa sangat berbeza dengan sekolah Cina lain kerana faktor bahasa yang sama sekali memudahkan mereka (murid dan guru berkomunikasi).

"Tidak pernah ada masalah. Murid Tahun Satu pun faham bahasa Melayu dengan baik. Saya rasa sangat selesa di sini berbanding sekolah Cina lain. Mungkin kerana persekitaran mereka yang berjiran dengan orang Melayu membolehkan mereka masih fasih berbahasa Melayu.

"Subjek bahasa Melayu pun mereka hebat. Cuma dalam penulisan ada sedikit masalah. Mereka suka guna bahasa pasar (loghat Kelantan). Guru dan murid di sini mesra, semuanya kerana bahasa. Sesama mereka pun guna bahasa Melayu. Malah, jika mengajar bahasa Inggeris pun, perlu dijelaskan semula dalam bahasa Melayu. Mereka tidak fasih sangat bahasa Mandarin," katanya.

Seorang lagi guru Melayu, Rohana Abdul Ghani, 45, yang berpengalaman mengajar di sekolah agama sebelum ini tidak nampak langsung sebarang masalah komunikasi dengan murid Cina dan tidak pula rasa janggal berada dalam kelompok orang Cina kerana mereka lebih berbudaya seperti orang Melayu.

"Semua di sini tidak ada langsung masalah berbahasa. Loghat Kelantan mereka juga pekat, tetapi mereka faham bahasa Melayu baku yang digunakan guru dalam kelas. Saya selesa di sini," katanya.

polisi sekolah Cina iaitu menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, mahu tak mahu diteruskan juga.

"Saya pernah mengajar di Kedah sebelum di Kelantan. Pengalaman saya sepanjang berkhidmat sebagai guru, di sinilah saya paling pelik. Ketara sangat perbezaan mereka dengan orang Cina lain. Mereka susah bergaul dengan Cina lain, hanya di kampung bercampur dengan orang Melayu.

"Dalam aspek berbahasa, bahasa Melayu mereka lebih baik. Saya sentiasa perlu jelaskan sesuatu arahan dalam bahasa Melayu kerana ramai yang terganggu mendengar arahan saya dalam bahasa Cina. Mereka tahu sedikit bahasa Hokkien, tetapi Hokkien mereka pun tak sama dengan orang Cina lain. "Saya terasa seperti orang asing

**“** Saya terasa seperti orang asing dalam sekolah Cina jika berbahasa Mandarin. Saya sedar, pandangan mereka terhadap saya pun nampak macam mereka sedang pelik”

**Ch'ng Joo Wass**  
Guru Besar SJKC Poy Hwa

perti yang berlaku kepada kebanyakan murid di bandar.

"Budaya mereka, budaya Melayu. Dalam persembahan di sekolah juga mereka lebih gemar menonton di-kir barat. Berbeza sekali ketika saya di Kedah. Cina dan Melayu tidak rapat sangat. Di sini, bukan setakat perhubungan, wajah mereka pun sama. Terkejut saya melihat keadaan ini.

"Saya risau seperkara saja kerana selama saya berkhidmat di Gua Musang dulu, pernah berlaku perkara ini. Ketika Ramadan, orang Cina perlu bawa kad pengenalan sebagai bukti mereka Cina. Bukan apa, takut ditangkap kerana muka mereka tak beza dengan Melayu," katanya sambil ketawa.



**“** Subjek bahasa Melayu pun mereka hebat. Cuma dalam penulisan ada sedikit masalah. Mereka suka guna bahasa pasar (loghat Kelantan). Guru dan murid di sini mesra, semuanya kerana bahasa”

**Ahmad Sabri Ibrahim**  
Guru SJKC Poy Hwa



**ANAK Cina Peranakan lebih selesa guna loghat Kelantan.**